

Tabiat suka jual tanah, lama-lama negara tergadai - Tun M

Astro Awani

31 Mei 2014

Oleh T K Letchumy Tamboo

KUALA LUMPUR: Tabiat pihak yang suka menjual tanah untuk mendapatkan wang untuk keuntungann jangka pendek adalah ibarat menggadai negara sendiri kata Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Di dalam artikel terbaharu beliau di blognya chedet.com, beliau berkata di zaman British dahulu, orang Melayu yang rata-rata miskin kerap menjual tanah milik mereka.

“Setelah dijual, mereka akan pindah ke kawasan tanah murah, biasanya di luar bandar.

“Kemudian bandar berkembang sehingga sampai ke kawasan di mana penjual tanah mendirikan rumah. Dengan ini harga tanah pun naik lagi.

“Sekali lagi pemilik tanah ditawarkan harga yang tinggi untuk tanahnya. Sekali lagi pemilik tidak dapat tahan hati dan lalu menjual tanahnya serta berpindah ke kawasan lebih jauh dari bandar untuk berdiri rumah. Akhirnya pemilik tinggal di pinggir hutan,” katanya.

Beliau berkata oleh sebab ini, undang-undang Tanah Simpanan Melayu diperkenalkan.

“Kawasan yang diisytihar Simpanan Melayu tidak boleh dijual kepada bukan Melayu. Maka terselamatlah orang Melayu daripada menjadi penumpang di negaranya sendiri.

“Tetapi jual tanah ini tidak terhad kepada orang rakyat sahaja. Raja pun sering menjual tanah takluknya. Demikian Pulau Pinang dijual kepada British. Kemudian Seberang Prai. Dinding di Perak juga dijual. Dan Singapura.

“Dinding tidak berguna kepada British dan dikembalikan kepada Perak. Apabila cadangan Malaya Union dibuat oleh British Pulau Pinang, Seberang Prai dan Melaka dirancang sebagai sebahagian dari Union tersebut,” katanya.

Katanya Singapura dikecualikan kerana ianya strategik bagi British.

“Apabila Malayan Union diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu, Raja-Raja Melayu dan pejuang-pejuang anti Malayan Union dikalangan orang Melayu tidak menuntut Singapura sebagai Wilayah Persekutuan.

“Apa yang berlaku kemudian adalah sejarah. Tetapi tabiat menjual tanah masih kekal.

“Ia tidak semestinya melibat kepingan tanah. Mengorek tanah untuk dijual kepada

negara lain juga tidak banyak berbeza dari penjualan tanah,” katanya sambil menambah walaupun kerajaan melarang penjualan tanah seperti ini, ia masih berlaku.

Beliau berkata dengan digunanya tanah negara ini untuk memperbesarkan wilayah negara lain, hasilnya tidak banyak berbeza dari penjualan wilayah kepada negara asing.

“Kita sudah merdeka lebih setengah abad. Tetapi kita sudah lupa akan kesalahan kita dahulu. Memang menjual tanah seperti dapat duit percuma. Tetapi duit yang didapati akan hangus dibelanja. Akhirnya duit pun hilang tanah pun hilang. Penjual akan jadi papa kedana.”

Beliau berkata di zaman ini dengan teknologi dan modal yang banyak terusan seperti Selat Tebrau, ia pun boleh ditebusguna sepenuhnya.

“Nilai tanah ini tentulah amat tinggi, lebih tinggi dari belanja menebusguna. Sedikit sebanyak usaha ini sudah dilakukan.

“Setelah pihak kita menebusguna selat di sebelah kita, pihak lain pula akan menebusguna sebelah mereka. Terusan akan jadi parit. Jambatan tidak perlu lagi. Siapakah yang akan bangun tanah tebusan yang mahal ini. Siapakah yang akan tinggal di bandar-bandar baru.

“Tentulah mereka yang berada sahaja yang akan memiliki kondo-kondo mewah yang akan didirikan.

“Tak mengapalah kita dapat duit banyak. Pinggir hutan amat selesa. Kalau kita ternampak sebagai penumpang di negara sendiri, itu pun tak mengapa. Selagi boleh jual negara sendiri apa salahnya menjadi penumpang,” akhiri beliau.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/tabiatsuka-jual-tanah-lama-lama-negara-tergadai-tun-m-36915>